



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**31 Julai 2015 / 15 Syawal 1436**

**Akhlak Dan Etika Muslim Dalam Mengharungi**

**Cabaran Kemodenan**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا  
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ  
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ  
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, marilah bersama kita mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. Marilah kita bermohon mudah-mudahan Allah mengurniakan kita kecekalan hati dan kerohanian untuk terus melaksanakan segala perintah Allah s.w.t. dan menjauhi segala tegahanNya dalam dunia moden yang penuh dengan cabarannya.

Sidang hadirin yang dirahmati,

Pada minggu yang lalu, kita telah diingatkan bagaimana kerohanian yang kukuh seharusnya membantu kita untuk mengharungi cabaran-cabaran yang ada pada dunia moden hari ini. Kerohanian yang kukuh adalah kerohanian yang menjadikan kita seorang mukmin yang berkeyakinan untuk melaksanakan agama dengan berhemah lagi bertanggungjawab. Keyakinan yang berasaskan kerohanian inilah yang akan menerbitkan di dalam jiwa kita kedamaian, untuk dapat mengharungi dan mengatasi tekanan dunia moden. Ini adalah amat penting saudara, kerana keadaan hidup moden kini membawa pelbagai tekanan kepada jiwa kita serta hubungan kita dengan manusia.

Baru-baru ini, kita digemparkan dengan berita seorang ibu, yang telah dianiaya oleh anaknya sendiri. Alhamdulillah, kita melihat masyarakat Islam khususnya dan masyarakat Singapura menolak dengan keras perbuatan yang salah itu. Sememangnya, tindakan seperti ini tidak mencerminkan akhlak seorang mukmin, dan tidak diajar oleh Rasulullah s.a.w.

Saudara yang saya kasihi sekalian,

Kadangkala disebabkan tuntutan kehidupan yang pelbagai, ditambah kesibukan seharian mencari rezeki, mengurus rumahtangga, ataupun kesibukkan menuntut ilmu, kita menjadi amat tertekan. Dan tanpa jiwa yang tenang, kita menjadi orang yang mudah hilang kesabarannya berhadapan dengan situasi

yang berbeza. Seinggakan ada yang melupakan tanggungjawab kita sebagai umat Rasulullah s.a.w. iaitu, menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji dalam apa jua keadaan.

Saudaraku, janganlah kerana kita letih bekerja di siang hari, ataupun disebabkan masalah-masalah yang kian meruncing, kita lupa akan tuntutan untuk berbuat baik sesama insan, terutamanya ibu bapa dan ahli keluarga kita. Berlaku adil lah dan jangan kita lepaskan tekanan kita kepada anggota keluarga yang mendambakan kasih sayang daripada kita. Biar sepenat mana pun kita, ataupun seberat mana pun masalah yang kita hadapi, ibu bapa, pasangan dan anak-anak perlu terus dilayani dengan sentuhan kasih, dan bukan dengan kekasaran ataupun pengabaian.

Saudara yang dirahmati Allah,

Dalam kita mengharungi cabaran dunia pasca-kemodenan hari ini, nilai-nilai murni yang diajarkan Baginda s.a.w. perlu menjadi ikutan dan panduan kita. Antara nilai-nilai murni yang Rasulullah s.a.w. tekankah kepada kita ialah kesantunan dalam hubungan kita sesama insan. Lebih-lebih lagi dengan anggota keluarga kita, khususnya dengan kedua orang tua yang membesarkan kita. Menghormati dan mengasihi ibu bapa kita adalah tanggungjawab kita sebagai anak. Janganlah kita menyakiti hati mereka. Jangankan kita berkasar apatah lagi mendera mereka, samada melalui lisan mahupun perbuatan. Janganlah kita abaikan mereka.

Allah s.w.t. telah menyeru kita untuk tidak berkasar kepada ibu bapa kita. FirmanNya di dalam Surah Al-Isra' ayat 23:

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ  
عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا آفٌ وَلَا  
نَهْرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴾

Yang bermaksud: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya kamu tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah kamu berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ah”, dan janganlah kamu menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

Bayangkan saudaraku, sekiranya dengan perkataan “Ah” sekalipun tidak boleh kita lafazkan dihadapan kedua ibu ayah, termasuk juga mertua kita; bagaimana lagi beratnya hukum sekiranya seorang anak melakukan yang lebih dari itu? Seperti berlaku biadab, menengking dan meninggikan suara. Walau apa sekalipun salah dan silap kedua ibu ayah kita, kita tidak berhak mendera mahupun menyakiti mereka. Jika kita dapati ada sesuatu yang tidak kita setuju maka sebaik-baiknya berbincanglah dengan baik dan beradab. Sebarang perkara

yang tidak menyenangkan perlu kita bincangkan dengan baik bersama ibu bapa. Pada masa yang sama, ibu bapa juga perlu mewujudkan budaya agar anak-anak berkomunikasi dengan jujur, terus terang namun beradab. Ini akan memastikan hubungan yang baik dan mesra dapat dikekalkan.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Selain dari berbuat baik kepada anggota keluarga, kita juga diseru untuk menjalankan tanggungjawab masyarakat. Kita ini hidup bermasyarakat dan bukannya sendirian. Oleh itu, ada adab-adab dan etika yang perlu kita pelihara pada setiap ketika. Perbalahan yang kadangkala berlaku di tempat awam disebabkan perkara yang remeh seperti tempat meletak kenderaan, ataupun disebabkan tempat duduk di kenderaan dan sebagainya. Hidup berjiran memerlukan kita untuk sentiasa bertolak ansur dan membantu satu sama lain. Kita perlu memastikan kita tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengganggu ketenteraman jiran tetangga dengan perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Ini termasuklah tidak membuat bising sehingga mengganggu jiran kita, membuang sampah sebarangan di jalanan serta meletakkan barang-barang di koridor sehingga menghalang orang untuk berjalan.

Kesemua contoh-contoh yang dinyatakan merupakan asam garam kehidupan hidup bermasyarakat, yang menuntut kita untuk memiliki etika dan akhlak dalam interaksi kita sesama anggota masyarakat. Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

*“Orang mukmin yang bergaul dengan manusia dan sabar terhadap keburukan mereka lebih baik daripada orang mukmin yang tidak bergaul dengan manusia dan tidak sabar terhadap kejahatan mereka”. [Hadith riwayat At-Tirmizi dan Ibn Majah]*

Semoga Allah mengurniakan kita kedamaian jiwa dan keindahan akhlak. Mudah-mudahan Allah terus memelihara hubungan kita sekeluarga dalam kebaikan dan kebahagiaan. Amin ya Rabbal ‘Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.